

[www.upm.edu.my](http://www.upm.edu.my)



**UPM**  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA  
BERILMU BERBAKTI



# Universiti Putra Malaysia

**SYARAT KEMASUKAN PROGRAM  
DIPLOMA DAN ASASI SAINS PERTANIAN**

Lepasan SPM | Setaraf

BERILMU BERBAKTI  
WITH KNOWLEDGE WE SERVE



# Syarat Kemasukan Program DIPLOMA DAN ASASI SAINS PERTANIAN LEPASAN SPM/SETARAF

## Isi Kandungan

PERKARA	MUKA SURAT	PERKARA	MUKA SURAT
<b>UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA VISI MISI MATLAMAT</b>	2	<b>CARA MEMOHON KETERANGAN LANJUT</b>	6
<b>KEMUDAHAN</b>		<b>PROGRAM DIPLOMA DAN ASASI SAINS PERTANIAN</b>	
a) Penginapan		<b>MAKLUMAT BERKENAAN PROGRAM DIPLOMA</b>	
b) Perpustakaan		1. P2050 - Diploma Pertanian	
c) Pengangkutan		2. P2051 - Diploma Perikanan	
d) Perkhidmatan Bas (Dalam dan Luar Kampus)		3. P2052 - Diploma Perhutanan	
e) Komuter dan Teksi	3-4	4. P2053 - Diploma Kesihatan Haiwan dan Pernakan	
f) Bank dan Pejabat Pos		5. P2055 - Diploma Pengurusan Perladangan Makanan	
g) Laman Web <i>Student Portal</i> <a href="http://www.psp.upm.edu.my">http://www.psp.upm.edu.my</a>		6. P2056 - Diploma Perniagaantani	
h) Koperasi dan Kedai Buku		7. P2450 - Diploma Kejuruteraan Pertanian	7-8
i) Kemudahan Sukan Bertaraf Dunia		<b>MAKLUMAT BERKENAAN PROGRAM ASASI SAINS PERTANIAN</b>	
j) Kemudahan Riadah dan Rekreasi Moden		8. P0050 - Asasi Sains Pertanian	9
<b>FAKULTI DAN PUSAT YANG MENAWARKAN PROGRAM PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH BACELOR, DIPLOMA DAN ASASI</b>		<b>SYARAT AM UNIVERSITI DAN SYARAT KHAS PROGRAM BAGI LEPASAN SPM/SETARAF</b>	
Fakulti Pertanian		<b>SYARAT KEMASUKAN PROGRAM DIPLOMA</b>	
Fakulti Perhutanan		1. Diploma Pertanian	10
Fakulti Perubatan Veterinar		2. Diploma Perikanan	10
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan		3. Diploma Perhutanan	11
Fakulti Kejuruteraan		4. Diploma Kesihatan Haiwan dan Pernakan	11
Fakulti Pengajian Pendidikan	5-6	5. Diploma Pengurusan Perladangan Makanan	12
Fakulti Sains		6. Diploma Perniagaantani	12
Fakulti Sains dan Teknologi Makanan		7. Diploma Kejuruteraan Pertanian	13
Fakulti Ekologi Manusia		<b>SYARAT KEMASUKAN PROGRAM PERSEDIAAN DIPLOMA</b>	
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi		8. Persediaan Diploma	
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan		<b>SYARAT KEMASUKAN PROGRAM ASASI SAINS PERTANIAN</b>	
Fakulti Rekabentuk dan Senibina		9. Asasi Sains Pertanian	14
Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat			
Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul			
Fakulti Pengajian Alam Sekitar			
Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu, Sarawak)			
Pusat Asasi Sains Pertanian			

## UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (UPM) telah ditubuhkan pada 29 Oktober 1971, sebagai Universiti Pertanian Malaysia melalui penggabungan antara Fakulti Pertanian, Universiti Malaya dan Kolej Pertanian Malaya Serdang. Universiti ini bermula dengan tiga buah fakulti; Fakulti Pertanian, Fakulti Perhutanan dan Fakulti Kedoktoran Veterinar dan Sains Peternakan.

Universiti Putra Malaysia memulakan program akademiknya pada bulan Julai 1973 dengan jumlah pelajar seramai 1,559 orang. Mereka mengikuti program Bachelor Sains Pertanian, Bachelor Sains Perhutanan, Doktor Perubatan Veterinar, Diploma Pertanian, Diploma Teknologi Rumahtangga, Diploma Sains Peternakan, Diploma Sains dengan Pendidikan dan Program Pendahuluan.

Pada tahun 1994, UPM telah memulakan satu rancangan untuk membina universiti masa hadapan yang menyediakan sistem pendidikan yang lebih baik dan terkini terutama dalam pendidikan sains dan teknologi. Selaras dengan itu, UPM telah berkembang pesat hingga menjadi kampus tanpa sempadan melangkaui sempadan kebangsaan.

Kemuncak daripada itu ialah dengan penukaran nama Universiti Pertanian Malaysia kepada Universiti Putra Malaysia pada 3 April 1997 oleh Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, Perdana Menteri Malaysia yang keempat. Penukaran nama ini merupakan langkah strategik yang mencerminkan kedudukan UPM selaku sebuah pusat pengajian tinggi yang berupaya menawarkan pelbagai program pengajian dalam menghadapi alaf baharu pembangunan masa hadapan.

Universiti Putra Malaysia kini mempunyai enam belas (16) Fakulti termasuk Kampus Bintulu, Sarawak, lima belas (15) Pusat, sembilan (9) Institut, satu (1) Akademi, dua (2) Sekolah Pengajian Siswazah, sebuah Taman Pertanian Universiti dan sebuah kampus cawangan di Bintulu, Sarawak.

UPM menawarkan lima puluh sembilan (59) program Bachelor, tujuh (7) program Diploma, satu (1) program Asasi dan lebih daripada dua ratus lima puluh (250) bidang di peringkat Pasca Siswazah.

## VISI

Menjadi Sebuah Universiti Bereputasi Antarabangsa.

## MISI

Memberikan sumbangan bermakna kepada pembentukan kekayaan dan pembangunan negara serta kemajuan manusia sejagat menerusi penerokaan dan penyebaran ilmu.

## MATLAMAT

UPM telah menetapkan enam matlamat untuk merealisasikan wawasannya. Matlamat tersebut adalah seperti berikut:

1. Menarik pelajar cemerlang dan menghasilkan graduan berilmu dan berdaya saing.
2. Melonjakkan tahap pencapaian penyelidikan dan inovasi ke peringkat antarabangsa.
3. Memperkasakan penglibatan komuniti untuk penjaan dan perkongsian ilmu.
4. Memperkasakan UPM sebagai Pusat Kecemerlangan Pendidikan, Penyelidikan dan Perkhidmatan Pertanian, dan Bio-sumber Tropika.
5. Memperkemas tadbir urus dan pengurusan sumber.
6. Memperkasakan Sekolah Pengajian Siswazah Pengurusan sebagai *Top Business School* (TBS).

## KEMUDAHAN

Adalah menjadi tanggungjawab seluruh warga UPM untuk menjaga kemudahan-kemudahan yang telah disediakan Universiti. Antara kemudahan-kemudahan yang ada ialah:

### a) Penginapan

Universiti menyediakan sebanyak 17 buah kolej kediaman yang berupaya menampung 600-1,000 pelajar setiap kolej. Kolej-kolej kediaman ini menyediakan pelbagai kemudahan. Ini termasuklah dewan, bilik rehat, surau dan lain-lain.

Kolej kediaman tidak lagi menyediakan makanan sejak 1996, sebaliknya makanan boleh dibeli dari 4 buah kafeteria dalam kampus. Adalah menjadi polisi Universiti untuk mengutamakan pelajar baharu dalam pemberian tempat penginapan di kolej kediaman.

### b) Perpustakaan

Pelajar boleh berjalan kaki ke Perpustakaan Pusat UPM (Perpustakaan Sultan Abdul Samad). Perpustakaan Pusat UPM terdiri daripada 2 blok, Blok A dan Blok B yang mempunyai keluasan lantai 17,652 meter persegi. Perpustakaan ini mempunyai lebih kurang 2,000 tempat duduk selain daripada bilik karek, bilik mesyuarat, auditorium dan sebagainya.

Koleksi perpustakaan adalah kira-kira 400,000 judul buku dan 6,300 judul bersiri. Ini tidak termasuk koleksi multimedia seperti mikrofilem, pita video, peta dan lain-lain. Sumber bahan yang banyak dan kepelbagaian perkhidmatan ini adalah amat perlu untuk menyokong aktiviti pengajaran dan penyelidikan di UPM.

### c) Pengangkutan

Sistem pengangkutan di UPM merupakan antara yang terbaik jika dibandingkan dengan universiti-universiti lain di Malaysia. Ini bersesuaian dengan lokasinya yang terletak di antara Putrajaya dan Bandaraya Kuala Lumpur serta bersebelahan dengan Lebuhraya Utara-Selatan.

### d) Perkhidmatan Bas (Dalam dan Luar Kampus)

- i. UPM menyediakan kemudahan bas untuk pergerakan pelajar di dalam dan di luar kampus.
- ii. Setiap pelajar dikenakan bayaran RM75.00 seorang untuk satu semester untuk mendapatkan kemudahan

tersebut. Pelajar yang membayar untuk perkhidmatan tersebut boleh menggunakan perkhidmatan bas tanpa had selama tempoh berkenaan.

- iii. Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menyediakan lebih daripada 20 bas Universiti untuk kemudahan pelajar-pelajar menjalankan aktiviti akademik dan kurikulum di luar kampus.
- iv. UPM juga telah membina beberapa perhentian bas berbumbung yang lengkap dengan kemudahan seperti kipas angin, lampu dan papan kenyataan untuk memberi keselesaan kepada para mahasiswa ketika menunggu bas.

### e) Komuter dan Teksi

- i. Mahasiswa UPM boleh mendapatkan kemudahan perkhidmatan komuter dan teksi untuk berulang-alik daripada kampus ke destinasi yang ingin dituju dengan harga yang berpatutan.
- ii. Terdapat perkhidmatan bas yang menghubungkan Kampus UPM dengan Kuala Lumpur dan kawasan sekitar Serdang.
- iii. Satu lagi alternatif kemudahan pengangkutan ialah perkhidmatan keretapi komuter di stesen Serdang yang memberi perkhidmatan ke Seremban, Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya.

### f) Bank dan Pejabat Pos

- i. Terdapat dua buah bank di Kampus UPM, CIMB Bank dan Bank Simpanan Nasional untuk kemudahan warga kampus mengendalikan urusan kewangan. Pihak bank juga telah menyediakan beberapa buah mesin *autoteller* di tempat yang strategik dan selamat.
- ii. Terdapat sebuah pejabat pos yang ditempatkan di Kolej Mohamad Rashid untuk kemudahan para mahasiswa dan warga kampus mendapatkan perkhidmatan pos, bayaran bil, memperbaharui lesen memandu dan pelbagai perkhidmatan lain.

### g) Laman Web Student Portal

<http://www.psp.upm.edu.my>

- i. Bahagian Teknologi Maklumat telah membangunkan *Putra Student Portal* sebagai gerbang utama bagi pelajar-pelajar UPM mencapai apa juga maklumat diri mereka sepanjang pengajian di UPM dengan mudah dan cepat melalui satu login sahaja.

- ii. Laman web ini diwujudkan atas dasar memberi kemudahan di samping membudayakan ICT dalam kalangan pelajar.

### **h) Koperasi dan Kedai Buku**

Terdapat sebuah kedai koperasi yang menjual segala kelengkapan alat tulis dan buku-buku rujukan serta keperluan harian mahasiswa.

### **i) Kemudahan Sukan Bertaraf Dunia**

Selama ini, UPM menyediakan pelbagai kemudahan dan inisiatif sukan kepada mahasiswa. Hasrat UPM untuk melahirkan atlet yang berpendidikan tinggi sentiasa menjadi keutamaan. Sebuah Blok Atlet di Kolej Kediaman Keenam disediakan bagi kemudahan penginapan para atlet.

Seterusnya UPM juga memiliki sebuah kompleks sukan yang terdiri daripada stadium utama untuk acara trek dan balapan, dewan serbaguna untuk pelbagai acara termasuk skuash, bola jaring, sepak takraw, bola tampar, bola keranjang dan lain-lain sukan dalam dewan. Selain itu dengan memiliki keluasan kawasan yang tidak terhad, UPM tiada masalah berkenaan padang-padang permainan untuk keperluan mahasiswa bersukan.

Di UPM juga sukan ragbi menjadi sebutan dalam dan luar kampus. Siapa tidak kenal dengan pasukan *Serdang Angel* yang sememangnya digeruni lawan setiap kali menyertai kejohanan peringkat universiti dan jempunan. Sudah tentu kemudahan padang ragbi bertaraf dunia memberi sedikit kelebihan untuk mahasiswa UPM bergiat aktif dalam sukan ragbi dan kebanyakan mereka mewakili negara di peringkat antarabangsa.

Kolam renang bersaiz olimpik, gelanggang tenis yang berkualiti dan padang hoki yang baru melengkapkan lagi persediaan UPM dalam memberi kemudahan terbaik dan bertaraf dunia kepada seluruh mahasiswa.

### **j) Kemudahan Riadah dan Rekreasi Moden**

Mahasiswa UPM dikira bertuah apabila memiliki persekitaran kampus yang nyaman dan menyegarkan di sebalik kehijauan pokok-pokok yang merimbun. Panorama sedemikian boleh menenangkan fikiran setelah penat dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Seluruh warga kampus boleh menjalankan aktiviti riadah dan rekreasi dengan penuh semangat tanpa gangguan dan pencemaran. Pihak Universiti telah mengeluarkan belanja yang besar bagi menyediakan kemudahan yang serba moden untuk manfaat bersama. Pembinaan trek jogging dan kemudahan riadah lain sepanjang 7 km melalui dusun buah-buahan dan merentasi pemandangan tasik menarik minat warga kampus untuk memulakan gaya hidup sihat.

Langkah UPM melancarkan program "Gerak Sihat" dalam kalangan mahasiswa dan staf setiap awal bulan menggalakkan warga kampus mempunyai tahap kesihatan tinggi dan kecerdasan minda yang boleh meningkatkan prestasi belajar dan bekerja.

UPM juga kaya dengan lokasi rekreasi yang pastinya dapat mengurangkan tekanan dalam mengejar kecemerlangan akademik. Contohnya Bukit Ekspo yang menawarkan kemudahan satu destinasi yang menarik dan pilihan sekeluarga. Bukit Ekspo menawarkan kemudahan rekreasi dan riadah untuk sesiapa sahaja menjalankan aktiviti termasuk memancing, bersampan, sukaneka keluarga, tapak perkhemahan, tapak ekspo dan karnival, *flying fox* dan lain-lain lagi.

Aktiviti menunggang kuda dengan trek yang selesa dan mencabar adalah sesuatu yang menarik terdapat di UPM.

Bagi penggemar sukan golf, UPM memiliki kemudahan padang golf 18 lubang.

## **FAKULTI DAN PUSAT YANG MENAWARKAN PROGRAM PENGAJIAN DI PERINGKAT IJAZAH BACELOR, DIPLOMA DAN ASASI**

UPM adalah sebuah Universiti yang menawarkan program pelbagai bidang dan disiplin. Program-program yang ditawarkan di peringkat Ijazah Bacelor dan Diploma mengikut Fakulti adalah seperti berikut:

### **Fakulti Pertanian**

1. PG11 - Bacelor Sains Pertanian
2. PG14 - Bacelor Sains Hortikultur
3. PG27 - Bacelor Pertanian (Akuakultur)
4. PG32 - Bacelor Pertanian (Sains Ternakan)
5. PP05 - Bacelor Sains (Perniagaantani)

### **Fakulti Perhutanan**

1. PG12 - Bacelor Sains Perhutanan
2. PG47 - Bacelor Sains Taman dan Rekreasi
3. PY11 - Bacelor Sains Teknologi Kayu

### **Fakulti Perubatan Veterinar**

1. PM01 - Doktor Perubatan Veterinar

### **Fakulti Ekonomi dan Pengurusan**

1. PE00 - Bacelor Ekonomi
2. PE02 - Bacelor Perakaunan
3. PP06 - Bacelor Pentadbiran Perniagaan

### **Fakulti Kejuruteraan**

1. PK01 - Bacelor Kejuruteraan (Awam)
2. PK02 - Bacelor Kejuruteraan (Elektrik dan Elektronik)
3. PK03 - Bacelor Kejuruteraan (Kimia)
4. PK05 - Bacelor Kejuruteraan (Pertanian dan Biosistem)
5. PK08 - Bacelor Kejuruteraan (Mekanikal)
6. PK15 - Bacelor Kejuruteraan (Aeroangkasa)
7. PK16 - Bacelor Kejuruteraan (Proses dan Makanan)
8. PK17 - Bacelor Kejuruteraan (Sistem Komputer dan Komunikasi)

### **Fakulti Pengajian Pendidikan**

1. PP09 - Bacelor Sains (Pembangunan Sumber Manusia)
2. PT03 - Bacelor Pendidikan (Pendidikan Jasmani)
3. PT04 - Bacelor Pendidikan (Bimbingan dan Kaunseling)
4. PT05 - Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Malaysia Sebagai Bahasa Pertama)
5. PT06 - Bacelor Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua)

6. PT07 - Bacelor Pendidikan (Sains Rumahtangga)
7. PT09 - Bacelor Pendidikan (Sains Pertanian)
8. PT41 - Bacelor Pendidikan (Pendidikan Moral)
9. P020 - Diploma Belia Dalam Kerja Pembangunan

### **Fakulti Sains Bacelor Sains (Kepujian)**

1. PS02 - Major Biologi
2. PS08 - Major Matematik
3. PS09 - Major Statistik
4. PS15 - Major Fizik
5. PS28 - Major Kimia
6. PS29 - Major Kimia Perindustrian
7. PS30 - Major Kimia Petroleum
8. PS36 - Major Sains Bahan
9. PS37 - Major Sains Instrumentasi

### **Bacelor Sains dengan Pendidikan (Kepujian)**

1. PT11 - Major Biologi
2. PT12 - Major Fizik
3. PT13 - Major Kimia
4. PT14 - Major Matematik

### **Fakulti Sains dan Teknologi Makanan**

1. PG09 - Bacelor Sains dan Teknologi Makanan
2. PG17 - Bacelor Sains (Pengajian Makanan)
3. PG18 - Bacelor Sains (Pengurusan Perkhidmatan Makanan)

### **Fakulti Ekologi Manusia**

1. PA05 - Bacelor Muzik (Persembahan Muzik)
2. PP02 - Bacelor Sains (Pembangunan Manusia)
3. PP20 - Bacelor Pengajian Pengguna
4. PP33 - Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Pengurusan)
5. PP34 - Bacelor Sains (Pembangunan Manusia dan Teknologi Maklumat)

### **Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi**

1. PA02 - Bacelor Komunikasi

### **Bacelor Sastera**

2. PB00 - (Bahasa Inggeris)
3. PB03 - (Bahasa dan Linguistik Melayu)
4. PB06 - (Kesusasteraan Melayu)
5. PB07 - (Kesusasteraan Inggeris)

### **Bacelor Sastera (Bahasa Asing)**

6. PB04 - Pengkhususan Bahasa Mandarin
7. PB05 - Pengkhususan Bahasa Arab
8. PB08 - Pengkhususan Bahasa Perancis
9. PB09 - Pengkhususan Bahasa Jerman

### Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

1. PM00 - Doktor Perubatan
2. PM02 - Bachelor Sains (Sains Bioperubatan)
3. PM05 - Bachelor Sains (Dietetik)
4. PM09 - Bachelor Sains (Pemakanan dan Kesihatan Komuniti)
5. PM10 - Bachelor Sains (Kesihatan Persekitaran dan Pekerjaan)
6. PM12 - Bachelor Kejururawatan

### Fakulti Rekabentuk dan Senibina

1. PH00 - Bachelor Seni Bina (Terbuka kepada lepasan Bachelor Sains Seni Bina)
2. PH02 - Bachelor Seni Bina Lanskap
3. PH03 - Bachelor Sains Seni Bina
4. PH12 - Bachelor Reka Bentuk (Reka Bentuk Perindustrian)

### Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat Bachelor Sains Komputer

1. PC04 - Pengkhususan Sistem Komputer
2. PC09 - Pengkhususan Multimedia
3. PC10 - Pengkhususan Kejuruteraan Perisian
4. PC11 - Pengkhususan Rangkaian Komputer

### Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul

1. PG07 - Bachelor Sains (Kepujian) Bioteknologi
2. PS26 - Bachelor Sains (Kepujian) Biokimia
3. PS27 - Bachelor Sains (Kepujian) Mikrobiologi
4. PS71 - Bachelor Sains (Kepujian) Biologi Sel dan Molekul

### Fakulti Pengajian Alam Sekitar

1. PG46 - Bachelor Sains dan Teknologi Alam Sekitar
2. PP43 - Bachelor Pengurusan Alam Sekitar

### Fakulti Sains Pertanian dan Makanan (UPM Kampus Bintulu, Sarawak)

1. PG30 - Bachelor Sains Bioindustri
2. P2050 - Diploma Pertanian
3. P2051 - Diploma Perikanan
4. P2052 - Diploma Perhutanan
5. P2053 - Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan
6. P2055 - Diploma Pengurusan Perladangan Makanan
7. P2056 - Diploma Perniagaantani
8. P2450 - Diploma Kejuruteraan Pertanian
9. Persediaan Diploma

### Pusat Asasi Sains Pertanian

1. P0050 - Asasi Sains Pertanian

## CARA MEMOHON

Permohonan kemasukan ke UPM bagi pengambilan Semester Pertama setiap tahun adalah melalui Aplikasi Dalam Talian (*Online Application*) yang diselenggarakan oleh Bahagian Pengurusan Kemasukan Pelajar, Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pemohon boleh melayari Laman Web <http://upu.moe.gov.my> untuk mendapat maklumat lengkap mengenai Syarat Am serta Syarat Khas Program dan seterusnya mengemukakan permohonan melalui Aplikasi Dalam Talian selepas iklan mengenainya disiarkan dalam akhbar utama tempatan.

## KETERANGAN LANJUT

Bagi mendapat keterangan lanjut mengenai Universiti Putra Malaysia, sila hubungi:

Alamat	:	Ketua Pentadbiran Pengajian Prasiswazah Bahagian Akademik Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran Universiti Putra Malaysia 43400 UPM SERDANG Selangor Darul Ehsan
Pejabat Am	:	603 - 8946 6059
Bahagian Akademik	:	603 - 8946 6055 603 - 8946 6060 603 - 8946 6000
Faksimili	:	603 - 8942 6469
E-Mel	:	<a href="mailto:akademik@upm.edu.my">akademik@upm.edu.my</a>
Laman Web	:	<a href="http://www.upm.edu.my">www.upm.edu.my</a>

## PROGRAM DIPLOMA DAN ASASI SAINS PERTANIAN

Universiti Putra Malaysia menawarkan program di peringkat Diploma, Asasi Sains Pertanian dan Persediaan Diploma untuk lepasan SPM/Setaraf. Maklumat ringkas berkenaan program Diploma, Asasi Sains Pertanian dan Persediaan Diploma adalah seperti berikut:

### MAKLUMAT BERKENAAN PROGRAM DIPLOMA

#### 1. P2050 • Diploma Pertanian (6 Semester)

Diploma Pertanian memberi penumpuan utama kepada bidang berkaitan pertanian seperti sains haiwan, tanaman makanan dan pengeluaran ternakan, pengurusan perosak, pengurusan tanah, ekonomi pertanian dan pengurusan ladang, keusahawanan dan pembangunan.

Graduan Diploma Pertanian mempunyai prospek kerjaya yang cerah dalam sektor pertanian awam dan swasta serta dalam bidang penyelidikan dan keusahawanan.

**Diploma Pertanian adalah program pengajian tiga (3) tahun dengan 103 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Peluang pekerjaan graduan Diploma Pertanian merangkumi kerjaya di agensi pengembangan pertanian (Jabatan Pertanian, RISDA, dll.), pembangunan tanah pertanian (FELDA, FELCRA, dll.), agensi penyelidikan (MARDI, FRIM, LGM, dll.), pembangunan bandar dan wilayah (UDA, KEJORA, PERDA, dll.), institusi pengajian, perunding dan kontraktor lanskap, pembekal bahan pertanian, syarikat kimia pertanian, institusi kewangan dan graduan juga berkemampuan untuk menjadi usahawan persendirian.

#### 2. P2051 • Diploma Perikanan (6 Semester)

Diploma Perikanan ditawarkan untuk melatih graduan dalam pengeluaran perikanan dengan penekanan dalam bidang peternakan ikan, teknologi penangkapan ikan, limnologi dan oseanografi, kualiti air dan tanah, penyakit ikan, ekologi akuatik, ilmu perkapalan dan pelayaran, pengendalian dan memprosesan produk perikanan dan keusahawanan.

Graduan Diploma Perikanan mempunyai prospek kerjaya yang cerah di sektor perikanan swasta dan kerajaan, institusi penyelidikan atau keusahawanan.

**Diploma Perikanan adalah program tiga (3) tahun dengan jumlah 103 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Peluang pekerjaan bagi bakal graduan Diploma Perikanan akan menjadi cerah dan masalah pengangguran dapat dikurangkan kerana kepesatan pembangunan sektor perikanan. Antara agensi yang memerlukan khidmat para graduan Diploma Perikanan termasuklah Taman-taman Sabah, WWFM, LKIM, Persatuan Nelayan, MIMA, Perbadanan Pelabuhan. Di samping itu para graduan Diploma Perikanan mempunyai peluang kerjaya di dalam agensi kerajaan, swasta berkaitan dan juga berkemampuan untuk menjadi usahawan atau bekerja sendiri.

#### 3. P2052 • Diploma Perhutanan (6 Semester)

Diploma Perhutanan ditawarkan untuk melatih separa profesional dalam sektor perhutanan. Peluang pekerjaan merangkumi syarikat swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan.

Penekanan program ini adalah kepada pengurusan hutan mapan, pengurusan hidupan liar, pengurusan industri perkayuan serta pengurusan taman hutan dan rekreasi.

**Diploma Perhutanan adalah program tiga (3) tahun dengan jumlah 103 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Antara agensi yang memerlukan khidmat para lulusan Diploma Perhutanan termasuklah Jabatan Perhutanan, Institusi Penyelidikan MTIB, FELDA, Kompleks Perkayuan, Badan-badan Berkanun di samping agensi swasta yang berkaitan dan juga agensi-agensi pelancongan seperti TDC dan seumpamanya.

#### 4. P2053 • Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan (7 Semester)

Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan ditawarkan untuk melatih graduan separa profesional dengan kemahiran dalam pengeluaran ternakan dengan penumpuan kepada pengurusan ternakan, foraj dan pastura, kesihatan haiwan dan pengurusan penyakit serta keusahawanan.



Peluang pekerjaan merangkumi syarikat swasta, agensi kerajaan dan bukan kerajaan berkaitan dengan industri ternakan serta dalam bidang penyelidikan dan keusahawanan.

**Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan adalah program pengajian tiga (3) tahun enam (6) bulan dengan jumlah 112 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Antara agensi yang memerlukan khidmat para lulusan Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan termasuklah Jabatan Perkhidmatan Haiwan Persekutuan dan Negeri-negeri, MARDI, Pusat Penyelidikan Veterinar, Perbadanan Kemajuan Ekonomi negeri-negeri, Jabatan Pertanian di samping agensi-agensi swasta seperti Guthrie, Kentucky Fried Chicken, Leong Hup serta ladang-ladang ternakan yang dikendalikan secara komersil di seluruh negara.

#### 5. P2055 • Diploma Pengurusan Perladangan Makanan (6 Semester)

Diploma Pengurusan Perladangan Makanan ditawarkan untuk melatih graduan yang menjurus kepada agriteknologi dan keusahawanan serta berkemahiran dalam pengurusan pengeluaran makanan.

Penekanan program ini adalah kepada sistem pertanian perladangan, amalan pengurusan tanaman, tanaman makanan industri, pengendalian dan pemprosesan hasil pertanian, pengeluaran dan pemprosesan ternakan, pengurusan ladang dan perniagaantani, pemasaran dan keusahawantani.

**Diploma Pengurusan Perladangan Makanan adalah program tiga (3) tahun dengan jumlah 104 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Graduan yang telah mengikuti program ini selama tiga (3) tahun merupakan tenaga separa profesional yang boleh menceburi bidang yang berkaitan dengan pengeluaran makanan seperti perladangan, pengeluaran, pengendalian dan pemprosesan produk pertanian sama ada sebagai penolong pengurus ladang, ahli teknologi makanan, juruteknik pemprosesan, penyelia kilang makanan atau bidang pekerjaan lain yang berkaitan. Graduan juga boleh menjadi usahawan tekno-tani yang menjurus kepada pemprosesan hasil makanan. Berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Bachelor di institusi pengajian tinggi sama ada di dalam atau luar negara.

#### 6. P2056 • Diploma Perniagaantani (6 Semester)

Program ini adalah direka bentuk untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran konsepsi, praktikal dan kemahiran insaniah dalam bidang perniagaan dan pertanian dengan menguasai pengetahuan dalam bidang perakaunan, ekonomi, agronomi, ternakan, kejurujualan, pemasaran dan komunikasi. Program ini menyediakan pelajar dengan kemahiran perniagaan dengan mengaplikasikan aktiviti *value-chain* dipanjangkan dari input ladang melalui pengurusan ladang, pemprosesan, pemasaran dan jualan berkaitan industri pertanian.

**Diploma Perniagaantani adalah program tiga (3) tahun dengan jumlah 104 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Graduan program ini adalah berkemahiran dalam perniagaan dan berpengetahuan dalam pertanian sebagai pelengkap kepada kemasukan ke pelbagai peluang pekerjaan, sama ada dalam agensi kerajaan, badan berkanun dan juga sektor swasta termasuk kewangan dan perbankan. Selain itu, para graduan juga boleh menjadi usahawan dalam bidang pertanian.

#### 7. P2450 • Diploma Kejuruteraan Pertanian (6 Semester)

Program ini direka untuk mengeluarkan graduan yang kompetitif dan berpengetahuan dalam kejuruteraan pertanian dan sistem pengeluaran pertanian. Pelajar menerima latihan *hands-on* dan eksperimental dalam penggunaan jentera ladang yang meliputi aspek prinsip kejuruteraan, operasi, penyenggaraan dan pembaikan.

**Diploma Kejuruteraan Pertanian adalah program tiga (3) tahun dengan jumlah 105 jam kredit.**

Peluang Kerjaya:

Graduan program ini mempunyai prospek kerjaya dengan agensi kerajaan dan swasta termasuk sektor perladangan. Mereka memainkan peranan penting sebagai ahli pertanian dan jurutera yang praktikal atau penterjemah alam pertanian moden untuk institusi penyelidikan atau para usahawan. Mereka juga berpeluang meneruskan pengajian ke peringkat bachelor di institusi pengajian tinggi dalam bidang yang relevan.

## MAKLUMAT BERKENAAN PROGRAM ASASI SAINS PERTANIAN

### 8. P0050 • Asasi Sains Pertanian (3 Semester Setahun)

Program Asasi Sains Pertanian mula ditawarkan di UPM pada Sesi Pengajian 2005/2006. Program ini ditawarkan di bawah naungan Kementerian Pendidikan Malaysia.

#### Objektif Program

Program ini ditawarkan bertujuan menyediakan pelajar yang mempunyai asas dan minat yang mendalam dalam bidang sains dan seterusnya berkecenderungan tinggi untuk meneruskan pengajian dalam bidang yang sama di peringkat ijazah. Dengan penawaran Program Asasi Sains Pertanian ini, UPM mempunyai peluang untuk melatih pelajar supaya lebih berminat untuk mengikuti program bachelour dalam bidang pertanian serta bidang-bidang lain yang berasaskan sains. Pelajar tersebut diharap dapat menyumbang kepada keperluan tenaga profesional dalam sektor pertanian dan berkaitan.

#### Struktur Pembelajaran

Sukatan pelajaran Program Asasi Sains Pertanian Universiti Putra Malaysia digubal berpandukan kepada sukatan pelajaran matrikulasi/sains asasi institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan sukatan pelajaran bagi STPM. Pelajar perlu mengikuti program pengajian selama **(tiga (3) semester setahun)** dengan mengambil sebanyak 53 jam kredit yang merangkumi kursus Asas Sains (Biologi, Kimia, Fizik dan Matematik) serta Pengenalan kepada Pertanian, Bahasa Inggeris dan Sains Komputer. Program ini akan dapat memberi asas pembelajaran yang kukuh kepada pelajar bagi mengikuti pembelajaran, terutamanya dalam bidang berasaskan pertanian dan sains di peringkat yang lebih tinggi.

#### Program di Peringkat Ijazah

Lepasan program Asasi Sains Pertanian berpeluang untuk memasuki kesemua program Bachelour berasaskan sains yang sesuai di UPM.

# Syarat Kemasukan Program DIPLOMA DAN ASASI SAINS PERTANIAN LEPASAN SPM/SETARAF

## SYARAT KEMASUKAN PROGRAM DIPLOMA

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Syarat Am Universiti</b>			
		Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia ( <b>SPM</b> )/setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya <b>LIMA (5)</b> kepujian ( <b>Gred C/6C</b> ) termasuk Bahasa Melayu.	Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia ( <b>SPM</b> )/setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya <b>LIMA (5)</b> kepujian ( <b>Gred C/6C</b> ) termasuk Bahasa Melayu.
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
1.	<p><b>ALIRAN SAINS DAN SASTERA</b> Diploma Pertanian <b>P2050</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan;*</li> </ul> <p>(*Geografi / Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Rumahtangga / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Lanskap dan Nurseri / Tanaman Makanan / Teknologi Bengkel Mesin / Kerja Menggegas &amp; Melarik / Lukisan Geometri &amp; Mesin / Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan / Pengeluaran Tanaman / Pengeluaran Ternakan / Hortikultur Hiasan &amp; Lanskap/Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang/Asas Pemprosesan Maklumat / Teknologi Katering / Teknologi Maklumat / Perdagangan/Ekonomi Asas).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	Mempunyai sijil dalam bidang yang berkenaan daripada Institusi yang diiktiraf oleh Senat UPM.
2.	<p><b>ALIRAN SAINS</b> Diploma Perikanan <b>P2051</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan;*</li> </ul> <p>(*Geografi / Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Perdagangan / Ekonomi Rumahtangga / Penyediaan &amp; Perkhidmatan Makanan / Pengeluaran Ternakan / Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang / Prinsip Akaun / Ekonomi Asas / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Asas Pemprosesan Maklumat / Teknologi Maklumat).</p>	Mempunyai sijil dalam bidang yang berkenaan daripada Institusi yang diiktiraf oleh Senat UPM.

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
3.	<p><b>ALIRAN SAINS DAN SASTERA</b> Diploma Perhutanan <b>P2052</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan*;</li> </ul> <p>(*Geografi / Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Rumahtangga / Lanskap &amp; Nurseri / Hortikultur Hiasan &amp; Lanskap / Perdagangan Ekonomi Asas / Teknologi Maklumat / Membuat Perabot / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Teknologi Bengkel Mesin / Kerja Menggegas &amp; Melarik / Lukisan Geometri &amp; Mesin / Teknologi Binaan Bangunan / Kerja Kayu &amp; Bata / Lukisan Geometri &amp; Binaan Bangunan / Asas Pemprosesan Maklumat).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	<p>Mempunyai kelayakan lain yang setaraf atau lebih tinggi daripada perkara 1 <b>Syarat Am Universiti</b> dan diiktiraf oleh Senat UPM.</p> <p style="text-align: center;"><b>atau</b></p> <p>Sijil Renjer Hutan dengan mendapat sekurang-kurangnya purata timbunan 3.00 dan mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik dan <b>satu (1)</b> mata pelajaran Sains pada peringkat SPM atau yang setaraf dengannya.</p>
4.	<p><b>ALIRAN SAINS</b> Diploma Kesihatan Haiwan dan Peternakan <b>P2053</b> 7 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan*;</li> </ul> <p>(*Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Rumahtangga / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Awam / Tanaman Makanan / Teknologi Bengkel Mesin / Pengeluaran Tanaman / Pengeluaran Ternakan / Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang / Teknologi Maklumat / Asas Pemprosesan Maklumat / Perdagangan / Ekonomi Asas).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	<p>Mempunyai kelayakan lain yang setaraf atau lebih tinggi daripada perkara 1 <b>Syarat Am Universiti</b> dan diiktiraf oleh Senat UPM.</p>

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
5.	<p><b>ALIRAN SAINS DAN SASTERA</b> Diploma Pengurusan Perladangan Makanan <b>P2055</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan;*</li> </ul> <p>(*Geografi / Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Ekonomi Rumahtangga / Tanaman Makanan / Teknologi Bengkel Mesin / Kerja Menggegas &amp; Melarik / Lukisan Geometri &amp; Mesin / Penyediaan &amp; Perkhidmatan Makanan / Pengeluaran Tanaman / Pengeluaran Ternakan / Hortikultur Hiasan &amp; Lanskap / Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang / Teknologi Maklumat / Asas Pemprosesan Maklumat / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Teknologi Binaan Bangunan / Teknologi Katering / Prinsip Akaun / Perdagangan / Ekonomi Asas).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	<p>Mempunyai sijil dalam bidang yang berkenaan daripada Institusi yang diiktiraf oleh Senat UPM.</p>
6.	<p><b>ALIRAN SAINS DAN SASTERA</b> Diploma Perniagaantani <b>P2056</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Chemistry;</li> <li>• Physics;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Perdagangan;</li> <li>• Prinsip Akaun;</li> <li>• Sejarah;</li> <li>• Geografi;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan;*</li> </ul> <p>(*Additional Science / Tanaman Makanan / Teknologi Bengkel Mesin / Kerja Menggegas dan Memesin / Penyediaan dan Perkhidmatan Makanan / Pengeluaran Makanan / Pengeluaran Ternakan / Hortikultur Hiasan dan Lanskap / Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang / Teknologi Maklumat / Asas Pemprosesan Maklumat / Katering dan Penyajian / Lanskap dan Nurseri).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	<p>Lulus peperiksaan yang setara atau lebih tinggi daripada yang dinyatakan di perkara 1 dan perkara 2 <b>Syarat Am Universiti</b> dan diakui oleh Senat UPM.</p>

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
7.	<p><b>ALIRAN SAINS</b> Diploma Kejuruteraan Pertanian <b>P2450</b> 6 Semester</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6C</b> dalam mata pelajaran <b>Mathematics, Biology atau Science</b> dan <b>Gred C/6C</b> dalam <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Additional Science;</li> <li>• Additional Mathematics;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan*;</li> </ul> <p>(*Pengajian Agroteknologi / Pengajian Keusahawanan / Prinsip Perakaunan / Ekonomi Rumah tangga / Pengajian Kejuruteraan Mekanikal / Pengajian Kejuruteraan Awam / Tanaman Makanan / Teknologi Bengkel Mesin / Pengeluaran Tanaman / Pengeluaran Ternakan / Kejenteraan Ladang / Pengurusan Ladang / Teknologi Maklumat / Asas Pemprosesan Maklumat / Perdagangan / Ekonomi Asas).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	<p>Mempunyai sijil dalam bidang yang berkenaan daripada Institusi yang diiktiraf oleh Senat UPM.</p>

## SYARAT KEMASUKAN PROGRAM PERSEDIAAN DIPLOMA

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Kelayakan Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
8.	<p><b>ALIRAN SAINS DAN SASTERA</b> Persediaan Diploma 2 Semester (Setahun)</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Bintulu, Sarawak</p>	<p>Calon hendaklah mempunyai kelulusan:</p> <p>Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (<b>SPM</b>) tahun 2011 atau 2010 dengan mendapat sekurang-kurangnya <b>TIGA (3)</b> kepujian (<b>Gred C/6c</b>) daripada mata pelajaran berikut:</p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6c</b> dalam mata pelajaran Bahasa Melayu;</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C/6c</b> dalam salah <b>dua (2)</b> daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Chemistry;</li> <li>• Biology atau Science;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Subjek Sains &amp; Teknikal berkaitan*;</li> </ul> <p>(*Pengajian Agroteknologi/Landskap dan Nurseri/Tanaman Makanan/Teknologi Bengkel Mesin/Pengeluaran Tanaman/Pengeluaran Ternakan/Hortikultur Hiasan &amp; Landskap/Kejenteraan Ladang/Pengurusan Ladang).</p> <p style="text-align: center;"><b>dan</b></p> <p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred E/8E</b> dalam mata pelajaran Mathematics atau Additional Mathematics dan Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	

## SYARAT KEMASUKAN PROGRAM ASASI SAINS PERTANIAN

Bil.	(i) Program Pengajian (ii) Kod (iii) Tempoh Pengajian	Minimum SPM (Kategori A, B & D)	Kelayakan Minimum SPM/Setaraf (Kategori C)
<b>Syarat Am Universiti</b>			
		Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/setaraf dengan mendapat sekurang-kurangnya LIMA (5) kepujian (Gred C/6C) termasuk Bahasa Melayu.	
<b>Memenuhi Syarat Am Universiti serta SYARAT KHAS PROGRAM</b>			
9.	<p><b>ALIRAN SAINS</b> Asasi Sains Pertanian <b>P0050</b> 3 Semester (Setahun)</p> <p><b>Penempatan:</b> UPM Kampus Serdang, Selangor</p>	<p>Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> dalam mata pelajaran <b>Biology, Chemistry, Mathematics dan Additional Mathematics;</b> <b>dan</b> Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred B</b> dalam salah satu (1) daripada mata pelajaran berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Physics;</li> <li>• Sains Pertanian;</li> <li>• Pengajian Agroteknologi;</li> </ul> <p><b>dan</b> Mendapat sekurang-kurangnya <b>Gred C+</b> dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris pada peringkat SPM.</p>	

**Nota:** Maklumat yang terkandung dalam Buku Panduan ini adalah benar pada masa ia diterbitkan dan UPM berhak membuat pindaan bila perlu tanpa notis terlebih dahulu.

Bahagian Akademik  
Tingkat 1, Bangunan Pentadbiran,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 03-8946 6050  
Faks: 03-8942 6969  
Emel: [akademik@upm.edu.my](mailto:akademik@upm.edu.my)

Pejabat Pemasaran dan Komunikasi  
Tingkat 4, Bangunan Pentadbiran,  
Universiti Putra Malaysia,  
43400 UPM Serdang,  
Selangor Darul Ehsan.  
Tel: 603 - 8946 6129/6009  
Faks: 603 - 8946 8972  
Emel: [marketing@upm.edu.my](mailto:marketing@upm.edu.my)